

Konflik Watak Dan Perwatakan Dalam *Saladin The Animated Series*: Analisis Intertekstualiti

**Izra Inna Binti Hj Md Idris¹, Dr. Mohamad Saleeh Bin Rahamad @ Ahamad²,
Dr. Md Azalan Shah Bin Md Syed²**

¹Calon PhD Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

²Jabatan Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

ABSTRAK

Kajian ini menumpukan pemerhatian terhadap watak dan perwatakan antara hipoteks biografi Sultan Salahuddin al-Ayubi daripada teks *Saladin or What befell Sultan Yusuf* oleh Baha ed-Din atau Ibnu Shaddad dan hiperteks *Saladin the Animated Series* (2010) yang diarahkan oleh Steve Bristow. Antara elemen penting dalam sesebuah cerita ialah watak dan perwatakan kerana ia menggerakkan sesebuah cerita. Watak dan perwatakan ini dinilai dengan teori intertekstualiti untuk melihat proses teks dalam sebuah teks atau dalam konteks kajian ini, biografi dalam siri animasi atau boleh juga dikenali sebagai dialog antara teks yang dipelopori oleh Julia Kristeva. Kajian tekstual analisis watak dan perwatakan memfokuskan watak Saladin, Tarik, Anisa, Duncan, dan Omar. Pengkaji menilai proses transformasi, eksistensi, haplologi, dan demitefikasi dalam melakukan perbandingan watak dan perwatakan. Penemuan menunjukkan bahawa Pengarah *Saladin the Animated Series*, Steve Bristow, telah mengubah biografi Sultan Salahuddin al-Ayubi.

Kata kunci: intertekstualiti, siri animasi, transformasi, eksistensi, haplologi, demitefikasi.

Conflicts of Characters and the Characterization in *Saladin The Animated Series*: Analysis of Intertextuality

ABSTRACT

This study focuses on the characters and characterization between hypotext biographical of Sultan Salahuddin al-Ayubi from the text entitled *Saladin or What Befell Sultan Yusuf* by Baha ed-Din or Ibnu Shaddad and hypertext *Saladin the Animated Series* (2010) directed by Steve Bristow. One important element in a story is characters and characterization as it developed a story. The characters and characterization were evaluated with intertextuality theory to identify the existence of text in text or in this context of study, biographical in animated series or it is also known as dialogue in a text by Julia Kristeva. The textual analysis on characters and characterization were focusing on character of Saladin, Tarik, Anisa, Duncan, and Omar. The researcher assessed the process of transformation, existence, haplology, and demitification in making a comparison. The findings showed that the director of *Saladin the Animated Series*, Steve Bristow, had changed the biography of Sultan Salahuddin al-Ayubi.

Keywords: intertextuality, animated series, transformation, existence, haplology, demitification.

1. PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini meneliti proses intertekstual dalam *Saladin the Animated Series* dengan mengkaji latar belakang Salahuddin al-Ayubi daripada teks *Saladin or What befell Sultan Yusuf* oleh Baha Ed-Din atau Ibnu Shaddad dan seterusnya, hiperteks pula diambil daripada watak Saladin dalam *Saladin the Animated Series*. Intertekstualiti dalam siri animasi ini menunjukkan berlakunya proses silang genre, iaitu daripada biografi kepada siri animasi.

Kajian tekstual ini melalui beberapa proses. Langkah pertama dimulakan dengan tontonan *Saladin the Animated Series* sebanyak enam siri, dan seterusnya membataskan kajian ini kepada 14 episod untuk keluaran enam siri yang pertama tersebut daripada 26 siri keseluruhannya. Siri animasi ini dipertontonkan kepada khalayak di Malaysia dalam bahasa Inggeris dan sarikata dalam bahasa Melayu. Pengkaji juga memilih teks *Saladin or What befell Sultan Yusuf* oleh Baha ed-Din atau lebih dikenali sebagai Ibnu Shaddad. Beliau ialah penulis biografi Sultan Salahuddin al-Ayubi yang pertama dan beliau hidup pada zaman Salahuddin menjadi Sultan.

Disebabkan kebijaksanaan Ibnu Shaddad dalam bidang ilmu, Sultan Salahuddin telah datang bertemu dengannya dan melantik beliau menjadi Kadi el-Askar; Leader of the Army atau ketua pasukan tentera Salahuddin. Beliau juga terlibat dalam beberapa siri perang salib berperang bersama Salahuddin, bersolat bersama Salahuddin malahan pada pengakhiran hidup Sultan Salahuddin, Ibnu Shaddad telah bertugas menjadi Kadi pada zaman pemerintahan anak Salahuddin, Sultan el-Aziz di Kaherah dan cucu Salahuddin, Sultan el-Zaher di Aleppo sehingga beliau meninggal dunia pada usia 90 tahun (Beha Ed-Din, 1896: xiii-xvii).

Pengamatan melalui tontonan secara terperinci terhadap siri animasi dilakukan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama, membaca teks biografi *Saladin* oleh Baha ed-Din (1896); dan menonton keseluruhan siri animasi *Saladin the Animated Series* untuk mendapat kefahaman tentang kandungan cerita; peringkat kedua, membaca teks biografi Salahuddin al-Ayubi daripada buku, jurnal artikel, dan internet; dan menonton serta memilih enam siri dengan pecahan sebanyak 14 episod *Saladin the Animated Series* secara teliti serta memilih babak-babak dan mengambil isi penting daripada siri animasi ini yang tidak menggambarkan biografi Salahuddin al-Ayubi; peringkat ketiga, hubung-kait persamaan dan perbezaan antara teks biografi *Saladin* oleh Baha ed-Din (1896) dengan *Saladin the Animated Series*. Seterusnya, analisis teks dibuat dengan mengenal pasti unsur watak dan perwatakan antara teks biografi dan siri animasi yang melalui proses intertekstual dengan empat prinsip intertekstual, iaitu transformasi,⁷ eksistensi,⁸ haplogogi,⁹ dan demitefikasi.¹⁰

⁷ Transformasi – pemindahan, penjelmaan atau penukaran teks kepada teks yang lain, secara sepenuhnya, separa atau abstrak.

⁸ Eksistensi – Unsur-unsur yang tiada telah diwujudkan.

⁹ Haplogogi – Proses pengguguran, peninggalan, dan pembuangan. Pengarang memilih bahagian untuk digunakan secara selektif.

¹⁰ Demitefikasi – Menentang karya asal dengan memusatkan ciri-ciri yang lebih radikal.

2. INTERTEKSTUALITI

Bacaan intertekstual pada awalnya dikenali sebagai *dialogic* atau dialogik yang diasaskan oleh Mikhail Bakhtin pada tahun 1926. Mikhail Mikhalevich Bakhtin (1895-1975) merupakan ahli falsafah Rusia yang juga merupakan seorang pengkritik sastera (Mohd Sholeh & Mohd Nizam, 2013:36; Mohd Saberi & Mas Rynna Wati, 2017:103). Tujuan utamanya adalah untuk membaca dan mentafsirkan karya sastera Rusia yang sukar difahami pada ketika itu. Asas teori ‘dialog’ ini berdasarkan dialog antara sesuatu teks dengan teks yang lain (Mohd Sholeh & Mohd Nizam, 2013: 36; Mohd Saberi & Mas Rynna Wati, 2017:103). Seterusnya, dialogisme Bakhtin menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan seseorang penulis. Hubungan antara teks yang dibaca dengan beberapa teks ialah fenomena ‘dialog antara teks’. Pendekatan ini telah dikembangkan oleh pengarang buku *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art*, Julia Kristeva juga merupakan seorang sasterawan linguistik dan interteks bermula dari tahun 1960. Julia Kristeva, dalam analisis kajian puisinya untuk disertasi kedoktorannya yang bertajuk ‘la Revolution du Language Poétique pada tahun 1974 (1980: 5), telah menggunakan intertekstualiti untuk menunjukkan hubungan bahawa dalam teks terdapat teks yang lain. Fahaman intertekstualiti untuk kajian ini mengambil dasar definisi asas Kristeva: *Any text is constructed as a mosaic of quotations; any text is the absorption and transformation of another* (Kristeva, 1980:66). Definisi intertertekstualiti ini membawa maksud: “setiap teks terbina daripada pencantuman pernyataan yang setiap satunya merupakan penyerapan dan penjelmaan daripada teks yang lain.”

Kristeva menyatakan bahawa setiap yang dibaca oleh pengarang akan mempengaruhi corak penulisannya terhadap karya yang sedang atau bakal dihasilkannya. Kristeva melihat bahawa karya sastera bukan hasil seorang penulis, tetapi hubungan antara penulis dengan karyanya (1980:66). Kristeva menerangkan proses dialog antara teks dengan teks dalam beberapa prinsip asas seperti petikan (*quotation*), penyerapan (*absorption*), pemindahan (*transposition*) dan pengubahan (*transformation*). Mawar Safei pula menerangkan dalam *Novel Intertekstual Melayu* bahawa proses intertekstualiti ialah pemindahan atau kutipan, serapan, penukaran, pengembangan, penyongsangan atau lencongan, pengaturan seiring atau persamaan atau pemberian (Mawar Safei, 2010:25).

Seterusnya, dialogisme Bakhtin (dalam Kristeva, 1980:66) juga menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan seseorang penulis, seterusnya mempengaruhi corak penulisannya terhadap karyanya manakala aspek dalaman pula mempengaruhi sesebuah karya melalui tema, pemikiran, plot, perwatakan dan lain-lain. Dalam teori dialogisme ini, pengarang berdialog dengan teksnya sendiri dan berlakulah perubahan, penentangan dan perluasan dalam karya, maka ini dinamakan penulis berdialog antara teks dengan teks. Olahan terhadap karya ini berlaku terhadap tema dan persoalan, plot, atau watak dan perwatakan karya tersebut. Oleh itu, kesemua pendekatan dapat disimpulkan dalam hubungan antara aspek luaran dengan dalaman sesebuah karya (Kristeva, 1980:67-69).

Analisis *Saladin the Animated Series* mengambil prinsip intertekstualiti, iaitu kajian teks ke atas teks dilakukan melalui aspek pembinaan karya: tema, watak dan perwatakan, bahasa, persoalan, latar, plot, dan sudut pandang. Terdapat 10 prinsip intertekstualiti, iaitu transformasi, modifikasi, *parallel*, eksrep, ekspansi, eksistensi,

haplogi, *defamiliar*, demitefikasi, dan konversi (Manu Sikana, 1998:209). Analisis yang dijalankan terhadap animasi bersiri *Saladin the Animated Series* mengambil empat dasar daripada 10 prinsip interteks, iaitu transformasi, eksistensi, haplogi, dan demitefikasi.

3. KAEAH KAJIAN

Bagi mencapai dasar kajian iaitu untuk memperlihatkan unsur intertekstualiti yang mudah difahami, pengkaji menggunakan teori intertekstual dalam *Saladin the Animated Series* (2010) untuk mencari perbezaan antara watak Salahuddin al-Ayubi dan perwatakan Saladin dalam *Saladin the Animated Series* serta memperlihatkan pengaruh demitefikasi, iaitu watak dan perwatakan yang menentang sumber utama pada siri pertama sehingga ke siri keenam. Pendekatan intertekstual dapat merungkaikan dan mengenal pasti sumber ambilan teks yang telah dirujuk oleh pengarang atau pengarah dalam membina jalan ceritanya sendiri.

Jadual 1 Tajuk kepada enam siri *Saladin the Animated Series* yang dibahagikan kepada empat belas episod untuk musim pertama.

1	Siri pertama bertajuk 'Rising Star' atau 'Bintang yang semakin Terserlah'. Siri 1: episod 1[1/3], 1[2/3], dan 1[3/3].
2	Siri kedua bertajuk 'Marauders' atau 'Perompak'. Siri 2: episod 2[1/3], 2[2/3], dan 2[1/3].
3	Siri ketiga bertajuk 'The Chalice of Isis' atau 'Piala Isis'. Siri 3: episod 3[1/2], dan 3[2/2].
4	Siri keempat bertajuk 'The Arena' atau 'Arena'. Siri 4: episode 4[1/2], dan 4[2/2].
5	Siri kelima bertajuk 'Mine Games' atau 'Pertarungan Lombong'. Siri 5: episod 5[1/2], dan 5[2/2].
6	Siri keenam bertajuk 'The Shadow of Death' atau 'Bayangan Kematian'. Siri 6: episod 6[1/2], dan 6[2/2].

Jadual 1 di atas menunjukkan tajuk-tajuk siri pertama sehingga siri keenam *Saladin the Animated Series*. Kajian ini dibataskan kepada 14 episod daripada enam siri sahaja. Pendekatan intertekstual dapat merungkaikan dan mengenal pasti sumber ambilan teks yang telah dirujuk oleh pengarang atau pengarah dalam membina jalan ceritanya sendiri. Siri animasi arahan Steve Bristow telah meperlihatkan kecenderungannya sejak awal untuk melakukan proses intertekstual antaranya transformasi (pemindahan), eksistensi (unsur tiada yang diwujudkan), haplogi (penguguran), dan demitefikasi (menentang karya asal) dalam arahannya.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN INTERTEKSTUALITI DALAM SALADIN THE ANIMATED SERIES

Saladin the animated series ialah siri animasi yang telah diterbitkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) pada tahun 2005. *Saladin the Animated Series* mempunyai 26 episod; 14 episod daripada keluaran pertama siri animasi ini telah berjaya ditayangkan di saluran Nasional 1 Televisyen Malaysia (TV1) pada September 2010. *Saladin the Animated Series* telah diterbitkan dalam tiga bahasa: bahasa Inggeris, bahasa Arab, dan bahasa Malaysia (alih bahasa dalam

bahasa Malaysia hanya dilakukan untuk beberapa siri pertama). Genre yang dibawa oleh *Saladin the Animated Series* ini berbentuk genre sejarah, fiksyen dan drama.

Dalam portal rasmi *Saladin the Animated Series* dinyatakan bahawa projek animasi ini telah diilhamkan daripada kehidupan Salah Al-Din Yusuf Ibni Ayyub atau lebih dikenali sebagai Sultan Salahuddin al-Ayubi oleh masyarakat Islam.

Saladin is an animated project inspired by the life of Salah Al-Din Yusuf Ibni Ayyub, the Islamic hero who united Muslims in the holy war against the Crusaders in the 12th century.

(Bristow, September 2010)

Siri animasi ini mengambil genre animasi pengembaraan dan telah diarahkan oleh Steve Bristow dari Australia. Pengarah ini telah menggunakan 95 peratus kepakaran pereka animasi dari Malaysia (Siri animasi Saladin di TV1 setiap Sabtu, 2010). Animasi ini telah dimajukan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia (MSC) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia atau *Multimedia Development Corporation* (MDeC) bersama penerbit eksekutif Kamil Othman dan Hasnul Hadi Samsudin, serta penerbit Juhaidah Joemin (Saladin filem animasi Malaysia menang hadiah peringkat dunia).

4.1 Transformasi

Dalam teks *Saladin the Animated Series* berlakunya transformasi atau pemindahan watak tokoh Islam Sultan Salahuddin al-Ayubi, yang diambil daripada biografi sejarah atau latar belakang tokoh Islam ini kepada pembentukan watak Saladin dalam *Saladin the Animated Series*, serta pemindahan watak bapa Salahuddin al-Ayubi, Najmuddin Ayyub dan ibunya yang tidak dinyatakan nama dalam siri animasi ini. Pemindahan watak datuk Salahuddin al-Ayubi, Shadi dan neneknya juga berlaku pada siri kelima belas ke atas. Watak Salahuddin al-Ayubi yang ditransformasikan kepada watak Saladin telah melalui haplogeni dan demitefikasi yang keterlaluan berbanding biografi asal.

Nama sebenarnya ialah Salah al-Din Yusuf Ibni Ayyub atau lebih dikenali sebagai Salahuddin al-Ayubi berasal dari Tikrit, Iraq dan dilahirkan pada 543H (Hijrah) atau 1137M (Masihi) (Beha Ed-Din, 1896: 4; Lane Poole, 1906: 6). Bapanya bernama Najmuddin Ayyub dan mereka adalah berbangsa Kurdish yang berasal dari Azerbaijan. Datuk Salahuddin, Shadi ialah seorang Rawadiya, seorang yang berketurunan Kurd yang dihormati dari puak Hadaniya yang agung, *the Great Hadaniya*, telah berpindah dari Azerbaijan ke Baghdad dengan membawa dua orang puteranya iaitu; Najmuddin Ayyub (bapa Salahuddin) dan Asaduddin Syirkuh (bapa saudara Salahuddin). Najmuddin Ayyub telah dilantik sebagai seorang Gabenor di Tikrik manakala adiknya Asaduddin Syirkuh ialah panglima tentera di tempat yang sama (Beha Ed-Din, 1896:xv; Syed Alwi, 2015 :2-12).

Sejak kecil Salahuddin al-Ayubi telah diasuh oleh ayahnya untuk mendalami ilmu agama manakala bapa saudaranya, Asaduddin Syirkuh seorang panglima tentera, telah mengasuh Salahuddin dengan ilmu ketenteraan dan berkuda (Syed Alwi, 2015:16-17). Salahuddin dididik dan dibesarkan seperti lelaki berbangsa Kurdis yang

cekap berpedang dan berkuda sehingga di usia remaja, Salahuddin telah menyertai tentera berkuda di bawah pemerintahan Sultan Aleppo. Salahuddin sangat mencintai Kota Aleppo kerana di situng dia dididik dan dibesarkan.

4.2 Eksistensi

Eksistensi ialah prinsip interteks yang mengkaji unsur tiada yang diwujudkan oleh pengarah Steve Bristow dalam *Saladin the Animated Series*. Terdapat banyak unsur eksistensi yang diwujudkan oleh pihak pengarah; antaranya kewujudan watak-watak yang tidak terdapat dalam biografi Salahuddin al-Ayubi. Pertama, watak Anisa ialah satu watak yang diwujudkan oleh pihak pengarah sebagai heroin yang bersifat negatif dalam cerita *Saladin the Animated Series*. Anisa ialah seorang gadis gipsi yang dapat dilihat penampilannya di sepanjang siri animasi ini dipertontonkan di khalayak ramai. Anisa telah bertemu dan berkenalan dengan Saladin seawal umurnya lapan tahun, seterusnya bertemu kembali dengan Saladin apabila usianya mencecah 18 tahun, iaitu 10 tahun dari kejadian yang pertama. Jangka masa ini agak mengelirukan kerana selama 10 tahun Saladin dan Anisa menetap di tempat yang sama, iaitu di Damsyik seharusnya mereka akan terserempak berulang-ulang kali kerana mereka menetap di kawasan yang sama.



Frame 1. Watak eksistensi: Anisa, *Saladin the Animated Series*

Kewujudan watak Anisa adalah untuk menjadi pembimbing Saladin, dan dalam masa yang sama turut mengukar-kacirkan kehidupan Saladin. Dalam siri *The Chalice of Isis* wanita misteri yang dibawa ke kapal telah meminta Saladin mengahwininya sebagai balasan kepada Saladin yang telah menyelamatkannya.

Saladin	:	<i>Puan cedera?</i>
Wanita misteri	:	<i>Tidak. Terima kasih.</i>
Saladin	:	<i>Keadaan sekarang sudah selamat. Cubalah berehat.</i>
Wanita misteri	:	<i>Penyelamatku! Pahlawanku yang berani! Saya terhutang budi kepada awak. Budi awak mesti dibalas.</i>
Saladin	:	<i>Tidak perlu. Semuanya sebahagian...</i>
Wanita misteri	:	<i>Saya akan meminta izin ayah saya untuk awak mula memikat saya.</i>
Saladin	:	<i>Memikat siapa?</i>
Wanita misteri	:	<i>Mengahwini saya. Ganjaran yang sewajarnya untuk wira yang begitu perkasa.</i>
Saladin	:	<i>Betul? Saya tak sangka pula. Saya... (Lalu wanita misteri itu menanggalkan hijabnya sambil ketawa. Saladin terkasima dengan tindakan wanita misteri.)</i>

- Saladin : *Dengan nama segala yang baik dan suci... tapi bukan awak!*
(Saladin yang terkesima lalu berasa marah kerana dipermainkan).
- Saladin : *Anisa!*



Frame 2. Anisa sebagai wanita misteri yang ingin mengahwini Saladin sekadar mempermainkan Saladin.

(55:46 - 56:48 di *Animated_Stories_of_Islam.nashbooky.com.mp4*)

Watak eksistensi kedua yang diwujudkan oleh pihak produksi ialah Tarik, sahabat Saladin yang berperwatakan tergesa-gesa, suka berlawak jenaka, tidak berani mengambil risiko, dan selalu menasihati Saladin supaya tidak melibatkan diri dalam masalah. Dalam siri ini digambarkan Tarik tidak pandai berlawan menggunakan pedang namun sangat baik dalam memanah.

Dalam biografi atau latar belakang kehidupan sebenar Sultan Salahuddin al-Ayubi, baginda mempunyai beberapa orang sahabat yang rapat dan sanggup berjuang bersama-sama baginda. Sultan Salahuddin dalam usia yang muda telah menyertai pasukan tentera di bawah pimpinan bapa saudaranya Asaduddin Shirkuh yang merupakan ketua tentera pada waktu itu. Shirkuh membawa Salahuddin dan rakan-rakan baginda menyertai siri peperangan.

Penulis biografi Salahuddin al-Ayubi daripada teks *Saladin or What Befell Sultan Yusuf* oleh Baha Ed-Din atau Ibn Shaddad juga merupakan sahabat Salahuddin al-Ayubi. Dalam novel sejarah Islam *Salahuddin Ayubi, Penakluk Jerusalem* oleh Abdul Latip Talib, beliau telah berjaya mewujudkan watak sahabat Salahuddin Ayubi iaitu, Bahaudin.

“Sungguh indah kota Aleppo yang terletak di dataran tanah tinggi kerana dari sana kita dapat melihat ladang kurma yang luas serta khemah dan rumah tanah liat berselerakan. Ramai rakyat bernaung di bawah pemerintahan Sultan Nurudin Mahmud Zanki,” kata Bahaudin, sahabat baik Salahudin.

(Abdul Latip Talib, 2007:3)

Jelas watak Bahaudin dalam novel Islam ini ialah watak Baha Ed-Din, penulis biografi *Saladin or What befell Sultan Yusuf* yang juga merupakan sahabat baik Salahuddin al-Ayubi. Namun, watak sahabat Salahuddin ini tidak berjaya dilahirkan oleh Steve Bristow malahan ditukar kepada Tarik dalam *Saladin the Animated Series*

dengan perwatakan gemar membuat jenaka, penakut, dan sentiasa menghalangi Saladin daripada mencuba perkara baharu kerana ditakuti Saladin akan berbuat silap sebagaimana watak sokongan dalam animasi Disney.



Frame 3. Watak eksistensi: Tarik, *Saladin the Animated Series*

Seterusnya, antara eksistensi yang dilakukan oleh pihak penerbit ialah watak Duncan. Kehadiran watak Duncan adalah amat mengelirukan kerana dia ialah bekas tentera Salib atau dalam siri animasi ini dikenali sebagai tentera Reginald, dan bekas tentera Salib ini telah disatukan dengan pemimpin tentera Islam yang mengeluarkan tentera Salib dari bumi Mesir. Dalam *Saladin the Animated Series*, selain Tarik, Duncan juga merupakan teman rapat Saladin, dan perkenalan mereka bermula sewaktu penangkapan Saladin untuk dijadikan hamba. Duncan menyelamatkan Saladin sewaktu melarikan diri dari penjara Behram (siri kedua: *Marauders*). Pihak produksi telah menjadikan watak Duncan lebih terserlah berbanding Saladin. Duncan ialah watak yang sentiasa ada bersama Saladin, dan sentiasa melindungi Saladin. Watak ini juga diwujudkan bagi melampaui watak utama, dengan berperwatakan seperti seorang hero.



Frame 4 dan 5. Watak eksistensi Duncan dalam *Saladin the Animated Series*

Dua frame di atas menunjukkan watak Duncan seorang bekas tentera Reginald yang berperwatakan heroisme. Frame kedua adalah jelas watak Duncan yang kelihatan gagah dengan senjatanya yang besar dan kukuh dibandingkan dengan watak Saladin yang kelihatan tidak terurus dengan muka yang cemas. Pihak produksi menyerlahkan watak Duncan dengan meletakkannya di tengah-tengah frame, berbanding watak Saladin yang diletakkan di tepi.

Watak eksistensi yang diwujudkan oleh pihak produksi seterusnya ialah Omar, iaitu seorang penglipur lara. Dalam *Saladin the Animated Series*, Omar mengenali Saladin, Tarik, dan Anisa sejak kecil, malahan Omar juga mengenali bapa dan ibu Saladin serta abangnya, Shahan, yang telah meninggal dalam peperangan menentang

tentera Reginald. Omar menjadi tempat untuk Saladin meluahkan perasaannya dan juga menjadi penasihat kepada Saladin sewaktu Saladin memutuskan untuk meninggalkan keluarga dan tidak menyertai peperangan. Bapanya berhasrat untuk menjadikan Saladin pahlawan dalam perang Salib, namun Saladin enggan mengikutinya.

Seterusnya, watak Omar telah bertukar daripada penglipur lara kepada peramal dalam siri ketiga bertajuk *The Chalice of Isis* atau *Piala Isis*. Pihak produksi ingin menunjukkan bahawa kehebatan Salahuddin al-Ayubi bagi boleh dijangkakan dan ditilik. Walaupun menurut Stanley Lane-Poole dalam bukunya yang bertajuk *Saladin: And the Fall of the Kingdom of Jerusalem* menyatakan bahawa sebagai anak seorang gabenor Saladin tidak menunjukkan sebarang tanda yang Saladin akan menjadi seorang yang hebat pada masa hadapan tetapi menunjukkan akhlak yang mulia (Lane-Poole, 1898:76) dan ini bermaksud, kedatangan Saladin tidak dapat dijangkakan.

Dalam *The Chalice of Isis*, Omar dapat menjangkakan kehebatan Saladin pada masa hadapan dengan syarat Saladin harus keluar dari Damsyik. Maka, untuk merealisasikan firasatnya, Omar secara rahsia, telah mengupah Saladin, Tarik, dan Duncan untuk mengiringi seorang wanita berpurdah (Anisa) membawa Piala Isis; piala yang dikatakan mempunyai kuasa, keluar dari Damsyik melalui jalan laut dengan menaiki kapal Kapten Sina. Kuasa yang ada pada Piala Isis ini ialah, sesiapa sahaja yang minum daripada Piala Isis ini, akan menang dalam apa jua peperangan serta mendapat kekuatan luar biasa untuk menentang musuh. Dalam perjalanan mereka ke kapal, mereka telah diserang sehingga menyebabkan Saladin, Tarik, dan Duncan lari menyelamatkan diri mereka ke dalam kapal Kapten Sina bersama Anisa.

Seterusnya, Omar mengetahui bahawa Reginald akan menjelaki Piala Isis. Reginald merupakan watak antagonis yang mewakili tentera Salib, menentang tentera Islam dan menguasai kawasan. Wanita berpurdah (Anisa) yang membawa Piala Isis, dengan pertolongan Saladin, Tarik, dan Duncan berjaya melarikan diri melalui jalan laut dengan menaiki kapal. Tujuan Omar merancang Anisa berpurdah dan melarikan diri dengan kapal ialah untuk mempertemukan Reginald dengan Saladin, ini kerana Omar mengetahui bahawa Reginald selalu bermimpi, bahawa ada seorang pahlawan yang akan membunuhnya. Oleh itu Omar ingin mengesahkan sama ada pahlawan yang berada dalam mimpi Reginald itu ialah Saladin. Maka, terjadilah pertempuran di tengah laut dan pada saat itulah Reginald bertemu dengan Saladin lalu Reginald berasa takut dan terus melarikan diri. Kejadian itu, mengesahkan kebenaran firasat Omar bahawa Saladinlah pahlawan tersebut.

Pihak produksi membina watak Omar untuk menunjukkan bahawa Saladin, tidaklah sehebat mana kerana kedatangannya sudah dijangka oleh Reginald. Walaupun Omar ialah seorang peramal, dia tidak mampu untuk mengetahui siapakah pahlawan yang ditunggu-tunggu tersebut sehingga dia dapat mengesahkan melalui mimpi Reginald. Watak eksistensi Omar yang diwujudkan oleh pihak produksi dilihat sebagai keterlaluan kerana agama Islam tidak mengiktiraf peramal malahan ramalan menurut Islam adalah haram. Dalam siri ini, pengarah meletakkan ramalan akan kedatangan seorang pahlawan agung melalui mimpi seorang ketua tentera Salib, Reginald, dan mimpi itu ditafsirkan oleh peramal Omar. Firman Allah dalam al-Quran mafhumnya: "Katakanlah (wahai Muhammad) tidak ada seorang pun yang ada di langit dan di bumi mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah sahaja" (QS: an-Naml:65). Seterusnya

Rasulullah S.A.W. bersabda dalam Hadis Riwayat (HR) Ahmad no. 9171: "Barangsiapa yang mendatangi dukun atau peramal kemudian membenarkan apa yang dia katakan, maka dia telah kafir terhadap (al-Quran) yang diturunkan kepada Muhammad S.A.W. Melalui firman Allah di atas dinyatakan bahawa hanya Allah yang mengetahui perkara ghaib, iaitu perkara yang akan atau bakal berlaku. Seterusnya, hadis Rasulullah S.A.W. pula menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan orang yang membenarkan peramal, telah kafir kepada al-Quran.

Kenyataan ini berlawanan dengan biografi Salahuddin al-Ayubi yang mencintai al-Quran, maka watak yang dihasilkan oleh pengarah menyalahi hukum yang dipegang oleh orang Islam termasuklah pegangan Salahuddin al-Ayubi (Beha Ed-Din, 1896:9):

Salah ed-Din was very fond of hearing the Kur'an read, and he used to argue with the Imam. This man had to be master of all knowledge connected with the Kur'an, and to know the book by heart. When the prince passed the night in the alcove (of his tent), he used to charge the man on guard to read him two, three, or four sections. -When he gave public audiences, he would have from one to twenty verses, and sometimes more, read by men accustomed to do so.

Terjemahan kepada petikan di atas, Salahuddin atau dalam biografinya ditulis sebagai Salah ed-Din sangat suka mendengar pembacaan al-Quran, dan sering berdebat dengan Imam kerana Salahuddin menguasai ilmu berkaitan dengan al-Quran, menghafaz serta memahaminya dengan mendalam. Salahuddin akan berjalan daripada khemah ke khemah pada malam hari dan meminta mana-mana askar untuk membaca beberapa surah. Seterusnya, Salahuddin akan memulakan ceramahnya dengan membaca 20 ayat daripada surah tertentu, atau lebih, atau dibaca oleh orang yang dilantik untuk membacanya. Pihak produksi telah membuatkan watak eksistensi Omar menentang kehidupan sebenar Salahuddin al-Ayubi dengan menjadikannya bersahabat dengan peramal dan mempercayai kepada peramal.



Frame 6 dan 7. Watak eksistensi: Omar dalam *Saladin the Animated Series*

Dua frame di atas menunjukkan watak Omar ketika berurusan dengan Anisa dalam episod *Chalice of Isis*. Frame 6 ialah babak Omar bertanya kepad Anisa untuk kepastian sama ada Saladin bertemu Reginald. Anisa memberitahunya dengan sekali pandang, Reginald terus melarikan diri kerana ketakutan melihat pahlawan dalam mimpiinya. Lalu dalam frame 7, Omar menyatakan bahawa Saladin adalah orangnya, pahlawan yang ditunggu-tunggu. Maka, banyak perkara yang perlu dilakukan oleh Omar untuk persediaan Saladin sebagai pahlawan tersebut.

5. HAPLOLOGI

Prinsip intertekstualiti yang seterusnya adalah haplogi yang bermaksud terdapat unsur-unsur pengguguran yang dilakukan dalam hiperteks seperti watak pejuang Salahuddin al-Ayubi yang takut berdepan dengan musuh yang ramai. Siri *The Chalice of Isis* atau Piala Isis, dimulakan dengan tugasan yang diberikan oleh Saudagar Mustafa kepada Saladin, Tarik dan Duncan untuk mengiringi seorang wanita ke pelabuhan. Duncan dan Tarik ditugaskan untuk membawa kereta kuda sementara Saladin berada di dalamnya bersama wanita tersebut. Dalam perjalanan, kereta kuda mereka telah diserang oleh penyerang berpakaian seperti orang Arab dan bertutup wajahnya.

Dalam adegan tersebut, Duncan terpaksa membawa kereta kuda dengan laju untuk mengelakkan mereka dibunuh, manakala Tarik pula memanah musuh-musuh sehingga kehabisan semua panahnya. Musuh yang berjaya melompat ke arah kereta kuda dan telah menolak Duncan serta mencekik Tarik. Musuh juga menyerang kereta kuda dan Saladin telah diserang dari belakang. Jika tidak kerana jeritan wanita yang bertutup wajah, tentulah Saladin telah ditikam oleh musuh tersebut. Watak heroik yang dimainkan Duncan yang akhirnya berjaya memberhentikan kereta kuda sebelum kereta kuda tersebut terjatuh ke dalam laut. Apabila wanita itu telah selamat masuk ke dalam kapal, Saladin dan rakan-rakan berjalan meninggalkan kapal. Namun, mereka telah diserang sekali lagi oleh penunggang kuda yang datang menyerang beramai.

- Duncan : Seingat saya, Mustafa yang kata...
(Imbas kembali)
Mustafa : *Tugas paling mudah di dunia. Pergi berjumpa dengan wanita itu di pasar, bawa dia ke pelabuhan dan pastikan dia naik kapal ke Rosetta. Awak akan dibayar upah 20 keping duit syiling emas.*
Duncan : *Itu saja?*
Mustafa : *Itu saja.*
Saladin : *Tak ada muslihat?*
Mustafa : *Sudah tentu tak ada. Tak ada muslihat.*
Duncan : Awak tahu apa semua ini? Muslihat yang sangat dahsyat!

Sambil memandu kereta kuda dengan laju untuk mengelakkan serangan daripada penunggang kuda. Tarik menemaninya manakala Saladin menemani wanita berpurrah di dalam kereta kuda. Penunggang kuda berjaya dikalahkan sehingga mereka terjatuh, tercedera, dan pengsan. Tarik melihat kepada salah seorang penunggang kuda yang terjatuh dan pengsan di sebelahnya.

- Tarik : Askar Frank menyamar sebagai penyamun!

Setelah berjaya mengharungi serangan daripada penunggang kuda, mereka berempat menuju ke kepala Kapten Sina di pelabuhan.

- Kapten Sina : Cepat! Kami dah nak belayar.
 Saladin : Awak Kapten Sina? Kami disuruh menghantar...
 Kapten Sina : Mustafa sudah memberitahu saya. Dia kata tentu ada masalah.
 Duncan : Dia memberitahu awak seorang saja.
 Saladin : Naik kapal itu. Awak selamat.

Wanita berpurdah itu menaiki kapal dengan selamat.

- Kapten Sina : Mungkin kamu bertiga ingin ikut kami pergi belayar.
 Duncan : Nanti dulu. Tiada sesiapa kata apa-apa tentang sebuah bot!
 Saladin dan Tarik : Kapal...
 Duncan : Apa-apa sajalah. Saya tak suka belayar. Kita tak akan pergi. Keputusan ini muktamad. Setuju?
 Jeritan orang ramai : Ramai lagi penunggang kuda!

Tiba-tiba kelihatan ramai penunggang kuda datang menyerang ke arah kapal Kapten Sina.

- Saladin : Terima kasih atas tawaran itu tapi kami tak pernah lari dari pertempuran.

Saladin, Tarik, dan Duncan bersiap siaga akan kedatangan musuh. Namun, terlalu ramai penunggang kuda datang ke arah mereka.


- Saladin : Sekarang baru kami lari. Mari!

Saladin yang terlebih dahulu berlari masuk ke kapal meninggalkan Tarik, Kapten Sina dan Duncan. Duncan yang takut menaiki kapal masih berkira-kira sama ada mahu naik ke kapal atau tidak.

- Duncan : Saya tak suka semua ini. Saya betul-betul tak suka.
 Duncan tak suka!
 Saladin : Duncan!

Saladin memanggil Duncan dengan nada mengarah, supaya Duncan menaiki kapal dengan cepat.

- Duncan : Baiklah.
 Kapten Sina : Belayar sekarang!



Frame berturutan 1. Saladin, Tank dan Duncan mendapat tugasan untuk menghantar seorang wanita kesebuah kapal. Mereka melarikan diri ke atas kapal. (50:24-54:54 di *Animated_ Stories_ of_ Islam.nashbooky.com.mp4*)

Dalam babak ini Saladin dan rakan-rakannya melarikan diri ketika berdepan dengan tentera Reginald yang ramai. Pengarah telah membuat penguguran dari segi sifat Salahuddin al-Ayubi yang berani menentang musuh dan berani berdepan dengan musuh kepada takut berdepan dengan musuh. Saladin dan rakan-rakannya berlari menyelamatkan diri dalam sebuah kapal yang dikendalikan oleh Kapten Sina. Dalam buku *The Life of Saladin*, Ibnu Shaddad menulis dalam biografi Sultan Salahuddin bahawa:

The Sultan was bravest among the brave: he was distinguished by his energy of soul, his vigour of character, and his intrepidity. I have seen him take up his position immediately in front of a large body of Reginalds, who were every moment being increased and relieved, and the sight (of this danger) only strengthened his courage and nerve
 (Beha Ed-Din, 1896:21).

Terjemahan kepada frasa di atas: "Sultan adalah seorang yang paling berani di kalangan yang berani: baginda dibezakan oleh spiritualnya, wataknya yang kuat, dan kepintarannya. Saya telah melihat baginda mengambil kedudukannya dengan segera di barisan hadapan. Walaupun tentera Reginalds, yang pada setiap saat meningkat dan bertambah, dan pada saat yang getir ini hanya meningkatkan keberanian baginda."

Ibnu Shaddad menceritakan perihal Sultan Salahuddin pada saat berbahaya apabila tentera Salib menghantar lebih ramai tentera di medan perang. Tiada rasa ketakutan dalam hati Sultan Salahuddin tetapi keberanian baginda untuk terus berperang bertambah. Ini kerana baginda hanya mengharapkan untuk mati di jalan Allah dan berusaha untuk mati pada jalan yang mulia ini (Beha Ed-Din, 1896: 27):

'The intention of your Highness is excellent indeed. Embark your troops, and let them depart; but you, who are the pillar and the bulwark of Islam, must not thus expose yourself and risk your life.' He replied: 'What, I ask you, is the most glorious of deaths?' 'To die,' I answered, 'in the way of God.' Then, he replied, 'I strive for the door of the most glorious of deaths.'

Penerangan petikan di atas menceritakan bahawa Ibn Shaddad pernah menegur Sultan Salahuddin al-Ayubi yang mempunyai niat yang sangat mulia, iaitu memimpin dan mengetuai pasukan tentera Islam sebelum melepaskan mereka dalam pertempuran, namun baginda merupakan tiang dan benteng Islam, seharusnya baginda tidak boleh mendedahkan diri dan membahayakan nyawanya. Baginda lalu bertanya kepada Ibn Shaddad berkenaan kematian yang paling mulia, dan dia menjawab bahawa kematian yang mulia adalah untuk mati dalam Islam, dan baginda mencari pintu yang paling mulia untuk mati. Demikianlah keberanian yang ditunjukkan oleh Salahuddin al-Ayubi, namun sikap keberanian ini telah digugurkan daripada watak Saladin oleh pengarah, dalam *Saladin the Animated Series*

6. DEMITEFIKASI

Demiteifikasi ialah satu unsur interteks yang mengkaji penentangan karya asal. Hiperteks pada kajian ini ialah *Saladin the Animated Series* menentang hipoteks daripada biografi Salahuddin al-Ayubi. Nilai perwatakan Salahuddin al-Ayubi yang digambarkan dalam hipoteks buku biografi Salahuddin al-Ayubi, *The Life of Saladin* (Beha Ed-Din, 1896) oleh Ibn Shaddad menegaskan bahawa Salahuddin ialah seorang yang berani (Beha Ed-Din, 1896: 3).

6.1 Mengharap, Tidak Berdaya, Bangga Diri dan Berpemikiran Dangkal: Siri 2 Marauders

Pihak pengarah dan produksi dalam *Saladin the Animated Series*, telah melakukan demiteifikasi terhadap perwatakan Salahuddin al-Ayubi. Dalam siri kedua *Marauders*, perwatakan Saladin digambarkan sebagai mengharap, tidak berdaya, berpemikiran dangkal dan bangga diri. Pada awalnya Saladin tidak berdaya melawan perompak-perompak (marauders) Jeneral Behram sehingga dia tertangkap. Dia mengharapkan Duncan, salah seorang hamba Jeneral Behram, untuk menolongnya melepaskan diri dari penjara Behram.

- | | | |
|---------|---|---|
| Saladin | : | Saya akan keluar dari sini dan awak (Duncan) akan tolong saya. |
| Duncan | : | Awak gila! |
| Saladin | : | Saya tak mahu mati sebagai hamba yang tak bernama. |
| Duncan | : | Bersama-sama? |
| Saladin | : | Kita semualah. |
| Duncan | : | Jika awak mengharapkan mereka, awak bukan saja gila tetapi bodoh! |

Perbualan mereka ditamatkan dan pada sebelah malam, pada hari yang sama, Saladin dan Duncan bergaduh di dalam penjara. Mereka membuat helah sehingga akhirnya pengawal penjara membuka pintu dan mereka berdua melarikan diri. Duncan ke kandang kuda untuk melepaskan semua kuda supaya mereka tidak dijejaki. Duncan akan menunggu arahan dari Saladin manakala Saladin ke khemah Jeneral Behram untuk mencabarnya. Saladin berfikiran dangkal apabila memperkecil-kecil Jeneral Behram untuk menamatkan riwayatnya dalam usahanya untuk melarikan diri.

- | | | |
|---------|---|---|
| Saladin | : | Behram! Berdepanlah dengan saya pengecut! |
|---------|---|---|

Jerit Saladin dari luar khemah.

Jeneral Behram: Saya akui saya kagum.

Behram keluar dari khemahnya sambil senyum.

- | | | |
|-----------------|--|-----------------------|
| Saladin | : | Saya akan bunuh awak! |
| Ho Tei | : | Siapa dia? |
| Jeneral Behram: | Sebahagian dari barang yang awak beli. Bersemangat betul dia ni kan? | |
| | Perompak! Perompak! | |

Jeneral Behram memanggil kesemua perompak untuk mengepung Saladin. Sementara itu, Duncan yang bersembunyi di kandang kuda melihat perompak meluru ke khemah Jeneral Behram.

Duncan : Masa untuk beraksi!

Bisisk Duncan yang ditugaskan untuk melepaskan kesemua kuda bagi tujuan melarikan diri. Tetapi salah seorang perompak telah menghalangnya. Manakala di khemah Jeneral Behram.

Saladin : Ini sahaja yang awak ada? (*Saladin mencabar Jeneral Behram.*)

Jeneral Behram: Siapa awak mahu mencabar Jeneral Bahram yang gagah?

Saladin : Saya Salahuddin anak kepada Ayyub. Pahlawan Damsyik. Dan wajah saya akan menjadi wajah terakhir awak nampak! Bukankah salah seorang daripada kamu perompak yang bodoh patut mengawal kuda-kuda kamu?

Jeneral Behram kelihatan terpinga-pinga.

Saladin : Sekarang Duncan! (*Namun Duncan tidak kelihatan*)

Jeneral Behram: Tolonglah seseorang bunuh dia!

Jeneral Behram ketawa kerana tiada apa yang berlaku manakala Saladin kehairanan kerana Duncan tidak muncul. Seorang perompak yang bertubuh besar membawa besi tajam cuba membunuh Saladin.

Saladin : Saya kata sekarang Duncan!!

Saladin menjerit memanggil Duncan lagi dan Duncan akhirnya datang ke tempat Saladin bersama dua ekor kuda. Duncan telah diselamatkan oleh hamba-hamba yang melarikan diri daripada penjara Behram.

Hamba-hamba : Kami akan berjuang!

Mereka akhirnya berjaya melepaskan diri.

Pengarah *Saladin the Animated Series* dan pihak produksi membuat penentangan perwatakan Saladin dengan menggambarkan Saladin sebagai seorang yang tidak berdaya dan mengharapkan Duncan dalam usaha melarikan diri. Seterusnya pihak produksi mahu menunjukkan kepada penonton bahawa Saladin hanya bernasib baik. Saladin dalam posisi yang selalu kalah tetapi sentiasa bernasib baik kerana selalu diselamatkan oleh Duncan, Tarik, ataupun Anisa. Dalam babak ini Saladin diselamatkan oleh Duncan yang merupakan bekas tentera Salib dan Tarik sewaktu melarikan diri.



Frame berturutan 2. Saladin meminta Duncan untuk menolongnya untuk melarikan diri daripada penjara Jeneral Behram.
(42:54-47:05 di *Animated_ Stories_ of Islam.nashbooky.com.mp4*)

Babak ini juga menunjukkan betapa dangkalnya pemikiran Saladin apabila rancangannya untuk mlarikan diri pada awalnya tidak berjaya. Kata-kata Saladin “Dan wajah saya akan menjadi wajah terakhir awak nampak!” kelihatan dangkal walaupun bertujuan untuk menarik perhatian Behram. Akibatnya, Saladin hampir dibunuh oleh perompak Behram. Babak ini menunjukkan penentangan yang dilakukan oleh pengarah terhadap perwatakan Salahuddin al-Ayubi yang berfikiran dangkal.

6.2 Selalu berasas baik, bertindak terburu-buru: Siri 2 Marauders

Pengarah telah melakukan penentangan karya hiperteks dalam *Saladin the Animated Series*. Bristow menggambarkan bahawa Saladin yang merepresentasikan watak Sultan Salahuddin al-Ayubi itu tidaklah baik sebagaimana yang diceritakan malahan watak Saladin ini banyak melakukan kesalahan sewaktu remaja sama seperti remaja-remaja pada zaman ini.

Pengarah juga ingin menyatakan bahawa Sultan Salahuddin yang dibanggabanggakan tidak sehebat mana. Hanya menumpang kehebatan kawan-kawannya. Seharusnya dia sudah lama mati tetapi dia selalu dan sentiasa berasas baik (*good luck*) sebagaimana yang digambarkan dalam *frame animasi* ini.



Frame berturutan 3. Saudagar Mustafa berkata kepada Tarik yang Saladin telah tiada atau meninggal dunia. Namun, Tarik berkeras yang nyawa Saladin terlalu degil untuk mati.

(34:40-34:57 di *Animated_ Stories_ of_ Islam.nashbooky.com.mp4*)

Dalam siri kedua *Marauders* (Perompak), Saladin telah mengambil tindakan terburu-buru dengan berpatah balik ke arah perompak yang mengejar kabilah saudagar Mustafa bagi tujuan mengalah pandangan perompak sekali gus dapat menyelamatkan kabilah. Saladin juga telah mengarahkan Tarik agar mengambil alih tugas membawa kabilah ke Palmyra. Walaupun dengan niat untuk menyelamatkan kabilah, tindakannya telah menyebabkan dia ditawan oleh Jeneral Behram. Bertentangan dengan hipoteks biografi Salahuddin al-Ayubi, baginda tidak pernah mengambil tindakan terburu-buru dalam merancang strategi dan dalam peperangan. Perkara ini dapat dilihat sewaktu pertempuran di Acre. Sultan Salahuddin tetap berada di barisan hadapan, dan mengekalkan posisi baginda sebagaimana yang telah dirancang dalam strategi sebelum pertempuran walaupun hanya tinggal sebilangan tentera sahaja, dan pasukan tentera Muslim menang di Acre (Beha Ed-Din, 1896: 27).

Frame berturutan 3 menunjukkan Tarik yang masih menunggu Saladin di sebalik bukit bersama kabilah saudagar Mustafa. Saudagar Mustafa menasihati Tarik untuk menerima takdir bahawa Saladin telah meninggal dunia. Tindakan Saladin yang

tergesa-gesa dalam membuat keputusan juga merupakan satu penentangan pada hipoteks biografi Salahuddin. Salahuddin ialah penguasa yang banyak berbincang dengan pengikut-pengikutnya sebelum memulakan satu agenda. Ibnu Shaddad menulis dalam biografi Salahuddin bahawa baginda sentiasa berbincang dengan pengikutnya berkenaan jihad memerangi tentera Salib. Baginda sentiasa berusaha mencari jalan bagi menguatkan pasukan tentera dan berbincang dengan sesiapa sahaja berkenaan persediaan dalam perang. Malahan baginda meninggalkan rumah kediaman dan keluarga serta memilih tinggal di dalam khemah dalam usaha jihadnya memerangi tentera salib (Beha Ed-Din 1896: 24).

Saudagar Mustafa : Salahuddin tak akan muncul, Tarik. Mungkin dia sedang diseksa sampai mati sekarang (*oleh penyamun*).

Apabila telah sampai di Palmyra dengan membawa kabilah saudagar Mustafa dengan selamat, Tarik meminta seekor kuda baharu untuk berpatah balik mencari dan menjelaki Saladin. Namun, Tarik dimarahi oleh saudagar Mustafa.

Saudagar Mustafa : Saya ada pejabat di sini. Kita akan dilayan dengan baik.
Tarik : Bagus. Saya perlukan kuda baharu.
Saudagar Mustafa : Dia sudah tiada, Tarik. (*Saladin sudah meninggal dunia*)
Tarik : Awak tidak kenal dia. Dia terlalu degil untuk mati.

Dengan kata-kata Tarik, “Dia terlalu degil untuk mati” pengarah menunjukkan penentangan karya hiperteks terhadap karya asal bahawa Salahuddin sukar untuk mati. Salahuddin ialah seorang manusia biasa yang sentiasa merendah diri dan penuh dedikasi dalam menjalankan tugasnya. Penentangan berlaku apabila Salahuddin digambarkan sebagai seorang yang terlalu degil sehingga mati turut tidak dapat menghampirinya kerana kedegilannya. Pengarah dan pihak produksi melahirkan seorang yang sangat degil manakala kenyataan ini bertentangan dengan Ibn Shaddad yang menggambarkannya sebagai seorang yang merendah diri: “*His heart was humble and full of compassion*” (Beha Ed-Din, 1896: 10).

Tujuan pengarah menggambarkan Saladin dalam keadaan demikian kerana atas faktor demitefikasi, menentang biografi baginda. Salahuddin al-Ayubi telah menakluk kembali Jerusalam setelah 88 tahun di bawah penaklukan Kristian ke atas bumi yang penuh barakah ini. Penaklukan kembali tanah ini telah membuatkan pihak Kristian sangat marah dengan Salahuddin al-Ayubi sehingga pelbagai cara telah dilakukan untuk menjatuhkan kredibiliti Sultan Mesir ini termasuklah melalui animasi.

6.3 Takut kematian: *The Shadow of Death*

Perwatakan Salahuddin al-Ayubi yang tidak takut akan menghadapi kematian telah ditentang oleh pengarah dan pihak produksi dengan menggambarkan Saladin memiliki sifat yang sebaliknya. Dalam siri *The Shadow of Death*, Saladin ketakutan sewaktu dikejar oleh watak The Shadow. The Shadow ialah pembunuhan upahan Jeneral Behram yang ditugaskan untuk membunuh Saladin. Saladin memberitahu Tarik dan Duncan bahawa dia takut untuk mati.

Dalam siri *The Shadow of Death*, Shadow merupakan seorang wanita, pembunuhan upahan yang terkenal dan dilatih oleh Saif, pembantu dan juga bapa kepada Shadow.

Jeneral Behram telah memanggil Saif dan mengupah Shadow untuk membunuh Saladin kerana dia telah gagal beberapa kali. Saudagar Mustafa mendapat tahu tentang perancangan Jeneral Behram mengupah Shadow untuk membunuh Saladin lalu dia mengarahkan Saladin untuk belayar meninggalkan tempat itu dalam usahanya untuk menyelamatkan Saladin.

Dalam perjalanan Saladin, Tarik, dan Duncan ke pelabuhan, mereka telah bertarung dengan Shadow buat pertama kalinya. Kekuatan Shadow adalah di luar kemampuan mereka bertiga. Walaupun Shadow seorang wanita, kekuatannya, ketangkasannya, dan kemampuannya bertarung, bukan tandingan Saladin, Tarik, dan Duncan. Shadow berjaya membelasah Saladin dan Duncan serta berjaya menepis setiap busur yang datang daripada panahan Tarik. Saladin yang ketakutan menolak Duncan dan Tarik bersama-sama untuk jatuh ke atas kenderaan yang sedang bergerak, untuk melarikan diri dan Shadow tidak dapat mengejar mereka. Mereka kemudian menyembunyikan diri di dalam gudang Mustafa. Pada ketika itu, Saladin memberitahu Tarik dan Duncan bahawa dia takut untuk mati.

Tarik : Sudah sampai masanya untuk kita bertolak.


Tuan Mustafa telah membeli tiket kapal untuk Saladin milarikan diri dari Shadow.

Duncan	:	Ohh, rasanya sudah terlalu lama orang tidak menggunakan saya sebagai tebusan.
Tarik	:	Eh, rilekslah. Kita baru sahaja bertarung dan mengalahkan pahlawan legenda The Shadow.
Saladin	:	Kita hanya berasib baik. Dan perkara itu tidak akan berlaku lagi. <u>Saya takut ok. Saya tidak mahu mati.</u> Pertarungan ini bukan pertarungan kamu berdua. Jangan risau aku boleh jaga diri aku sampai ke pelabuhan.

Duncan dan Tarik mengeluh dengan tindakan Saladin mengenepikan mereka.

Duncan	:	Dia ni kadang-kadang boleh menjadi begitu bodoh.
Tarik	:	Dia banyak kali terhantuk di kepala semasa kami kecil.
Duncan	:	Aah, boleh jadi perkara ini yang menyebabkan dia berkelakuan seperti ini.
Tarik	:	Marilah, kita akan lambat ke pelabuhan nanti.

Dalam siri ini Saladin meluahkan isi hatinya bahawa dia takut dibunuh oleh Shadow. Saladin memakai baju besi, walaupun pada awalnya menolak untuk memakai baju besi dan meninggalkan Damsyik untuk mengelakkannya daripada dibunuh.



Frame berturutan 4. Saladin yang ketakutan kerana diburu oleh Shadow pembunuhan bersiri yang merupakan seorang wanita, yang akhirnya berjaya menikam Saladin.

(13:25-16:15 di *The Shadow of Death 1_Selahaddin.com.mp4*)

Enam frame daripada siri *The Shadow of Death*, dengan frame pertama ialah pemaparan wajah Saladin yang dalam kesedihan dan kerunsingan memikirkan dia telah diburu oleh Shadow. Frame kedua ialah ketika Saladin berkata "Saya takut, ok. Saya tidak mahu mati" dan diikuti dengan frame ketiga, ketika Saladin dalam perjalanan ke pelabuhan, lalu dia ditikam oleh Shadow yang menunggunya di sebalik kotak yang disusun di pelabuhan.. Saladin lalu rebah dalam frame kelima. Walaupun Saladin pengsan di awalnya, dia masih bernasib baik kerana terselamat disebabkan memakai baju besi. Saladin lalu bangun dan menolak Shadow jatuh ke dalam laut. Dalam frame keenam Shadow memeriksa pedangnya yang telah bengkok akibat menikam Saladin dengan terlalu kuat.

Babak ini juga menunjukkan prinsip demitefikasi atau penentangan terhadap perwatakan Saladin yang takut dibunuhi dan takut mati, walhal dalam kehidupannya yang sebenar, Salahuddin al-Ayubi tidak gentar akan syahid di medan perang. "To die in the way of God" dan "I strive for the door of the most glorious of deaths" (Beha Ed-Din, 1896:27). Malahan Salahuddin al-Ayubi sentiasa berada di barisan hadapan. Di medan perang, baginda dikatakan seperti ibu yang kehilangan anak. Beha Ed-Din (1896: 22) menerangkan keadaan Salahuddin dalam peperangan:

"In the height of the fighting he used to pass between the two lines of battle, accompanied by a young page, who led his horse. He would make his way in front of his own troops from the right wing to the left, intent on the marshalling of his battalions, calling them up to the front, and stationing them in positions which he deemed advantageous to command the enemy or to approach them".

Baginda berada di atas kuda dan bergerak dari penjuru medan perang ke penjuru yang lain, dan dilihat berulang alik untuk menaikkan semangat pahlawan-pahlawannya sebelum berperang untuk berjuang di jalan Allah. (Beha Ed-Din, 1896: 22); (Abdul Latip Talib, 2007:v).

7. KESIMPULAN

Setelah selesai menonton, meneliti dan mengamati watak dan perwatakan Saladin yang digambarkan oleh pengarah, pengkaji mendapati watak perwatakan Saladin bertentangan dengan watak perwatakan tokoh Islam, Sultan Salahuddin al-Ayubi, berdasarkan penelitian biografi yang ditulis oleh Ibn Shaddad yang hidup sezaman dengan baginda. Salahuddin al-Ayubi merupakan pemerintah yang mashyur dan disegani oleh bangsa Islam mahupun bangsa Kristian. Ini disebabkan ketaatannya kepada Allah membawanya menjadi seorang pemerintah yang adil dan saksama, seorang pahlawan yang berani di medan perang, dan meletakkan kebijakan rakyat sebagai perkara utama semasa pemerintahnya.

Namun, temuan kajian ini mendapati, sebahagian besar perwatakan Saladin dalam *Saladin the Animated Series* mengalami perubahan seperti perwatakan dalam hipoteks tidak dikekalkan dan sebahagian besar biografi Sultan Salahuddin al-Ayubi telah diubah. Pengarah telah melakukan transformasi watak utama, namun telah membuat pertambahan watak-watak dengan mewujudkan unsur eksistensi yang besar dalam siri ini. Pengarah juga telah membuat demitekasi iaitu menentang karya asal dalam perwatakan watak utama *Saladin the Animated Series*.

Keseluruhannya, dalam prinsip intertekstualiti, pengarah *Saladin the Animated Series*; Steve Bristow telah membuat 'transformasi,' iaitu pemindahan tokoh Islam Salahuddin al-Ayubi kepada watak Saladin. Seterusnya, pengarah telah mewujudkan 'eksistensi' iaitu unsur yang tiada yang diwujudkan untuk mencipta persekitaran Saladin yang baharu. Dalam mewujudkan 'eksistensi', pihak pengarah juga telah melakukan 'haplogogi' iaitu pengguguran informasi penting berkaitan tokoh Islam terkemuka di dunia dan juga melakukan 'demitefikasi' iaitu penentangan terhadap hipoteks; biografi Salahuddin al-Ayubi jika dibandingkan dengan hiperteks *Saladin the Animated Series*.

Pengarah *Saladin the Animated Series*, Steve Bristow telah mencipta dan mewujudkan seorang Saladin yang baharu mengikut acuan kehendaknya. Pihak pengarah telah mengambil seorang tokoh Islam dan menukar segala fakta berkenaan hidupnya tetapi mengekalkan nama tokoh Islam tersebut. Walaupun secara logiknya

kartun atau animasi untuk kanak-kanak, penggunaan tokoh Islam sebagai watak utama seharusnya menepati watak dan perwatakan tokoh tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Latip Talib. (2007). *Salahudin Ayubi Penakluk Jerusalem*. Selangor: PTS Litera Utama Sdn Bhd.
- Bakhtin, M. (1976). *The Dialogic Imagination*. Austin: University of Texas Press.
- Beha Ed-Din. (1896). *The Life of Saladin (1137-1193 A.D)*. Retrieved 24 Disember, 2014, from Library of Palestine Pilgrims' Text Society: <https://archive.org/details/libraryofpalesti13paleuoft>.
- Bristow, S. (Director). (September 2010). *Saladin: The Animated Series* [Motion Picture].
- Hatta Azad Khan. (24 Mac, 2010). *Karya Besar Sastera & Filem - Manifestasi Maruah dan Ketamadunan Bangsa*. Retrieved 20 Ogos, 2015, from Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik: http://eprints.uitm.edu.my/3059/1/NK_PROF.%20DR.%20HATTA%20AZAD%20KHAN%20CT%2010.pdf
- Kristeva, J. (1980). *Desire in Language: a semiotic approach to literature*. Oxford: Blackwell.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Modern*. Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (2013). *Koleksi Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Pustaka Karya.
- Mawar Safei. (2010). *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mawar Safei, Misran Rokimin, & Che Abdullah Che Ya. (2011). Tradisi dalam Karya Anwar Ridhwan dan Putu Wijaya. *Jurnal Akademika*, 81(1):83-91.
- Mohd Saberi Muda, & Mas Rynna Wati Ahmad. (2017). Puisi ke Teater: Transformasi karya Marzuki Ali. *Jurnal Melayu Bil 16 (1)*, 101-114.
- Mohd Sholeh Sheh Yusuff, & Mohd Nizam Sahad. (2013). Bacaan Intertekstual Teks Fadilat dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *Jurnal Usuluddin 37, Januari-Jun*, 33-55.
- Saladin Filem Animasi Malaysia. (28 Mac, 2007). Retrieved 13 Oktober, 2014, from <http://www.utusan.com.my>
- Saladin filem animasi Malaysia menang hadiah peringkat dunia. (n.d.). Retrieved 26 Feb, 2015
- Siri animasi Saladin di TV1 setiap Sabtu. (1 Disember, 2010). Retrieved 7 November, 2014, from Berita Harian: www.bharian.com.my/SirianimasiSaladindiTV1
- Ulfah, N. M. (2012). *Analisis Wacana Nilai-Nilai Dakwah Dalam Novel Negeri Lima Menara Karya Ahmad Fuadi*. Retrieved from Institute Agama Islam Negeri (IAIN) Walisongo: <http://eprints.walisongo.ac.id/124/>
- Wellek, R. (1973). *Concepts of Criticism*. United States: Yale University Press.

